



Ruj. Kami : Bil (5) dlm PKR.CPPK.700.105/006 Jld. 5
Tarikh : 8 Mei 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

AHLI JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU JKR (J/K PPPI)

-Pencalonan *Knowledge Manager* Dan Ahli Gantian

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, pihak Jabatan telah membangunkan program Pengurusan Kandungan dan Ilmu Pengetahuan (ECKM) di dalam usaha bagi mencapai visi Jabatan.
3. Sehubungan itu, dalam usaha bagi memastikan pelaksanaan inisiatif program ECKM berjalan dengan lancar, pejabat ini memohon kerjasama YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan untuk menamakan kakitangan YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan untuk dilantik sebagai *Knowledge Manager* dan Ahli Gantian bagi cawangan.
4. Tugas dan tanggungjawab *Knowledge Manager* disenaraikan di **Lampiran A1** manakala terma rujukan J/K PPPI adalah di **Lampiran A2**. Ahli Gantian J/K PPPI akan dilantik untuk membantu *Knowledge Manager*.

Ruj. Kami : Bil () dlm PKR.CPPK.700.105/006 Jld. 5
Tarikh : Mei 2017

5. Sukacita sekiranya borang maklumbalas yang dilampirkan di kemukakan kepada pejabat ini sebelum **23 Mei 2017** untuk tindakan selanjutnya.

6. Kerjasama YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

DRmy

(DATO' Ir. HJ. MOHD DAUD BIN HARUN)

Pengarah Kanan

Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Ibu Pejabat JKR Malaysia



Ruj. Kami : Bil () dlm PKR.CPPK.700.105/006 Jld. 5
Tarikh : Mei 2017

SENARAI EDARAN

Pengarah Kanan
Cawangan Kerja Bangunan Am 1
Tingkat 13 - 17, Menara PJD
No 50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Pengarah
Cawangan Kejuruteraan Cerun
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 12, Blok F
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Pengarah
Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
Tingkat 1, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur

Pengarah
Caw. Kerja Bangunan Am 2
Tingkat 13 - 17,
Menara PJD No 50,
Jalan Tun Razak 50400
Kuala Lumpur

Pengarah
Cawangan Kerja Pendidikan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 23, Maju Tower
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur



**AHLI JAWATANKUASA PELAKSANAAN & PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU
(JKPPPI) JKR MALAYSIA**

Berikut merupakan Nama Pengurus Pengetahuan dan Ahli Gantian Sediada :

Bil.	Cawangan	Nama Knowledge Manager	Nama Ahli Gantian
1.	Cawangan Kerja Bangunan Am 1	En. Abdul Halim Marzuki	-
2.	Cawangan Kejuruteraan Cerun	En. Ahmad Khairil Sahibi	-
3.	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan	En. Rosslan Ramli (telah bersara)	-
4.	Cawangan Kerja Bangunan Am 2	-	-
5.	Cawangan Kerja Pendidikan	En. Abu Bakar Mohd Noor	-



LAMPIRAN A1 – TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KNOWLEDGE MANAGER

- Memberi kesedaran dan pemahaman berhubung dengan program Pengurusan Kandungan dan Pengetahuan kepada anggota kerja di tempat tugas
- Memberi bantuan dalam pengurusan dan penggunaan kandungan pengetahuan
- Melaksana dan memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif Pengurus Pengetahuan di tempat tugas
- Memperbaiki aliran proses dan amalan pengurusan pengetahuan di tempat tugas
- Mengatur sekurang-kurangnya lima (5) aktiviti / sesi perkongsian pengetahuan di tempat tugas
- Menyediakan laporan berkala mengenai pengurusan aset pengetahuan dan aktiviti pembelajaran yang dijalankan di tempat tugas
- Menghadiri Mesyuarat J/K Pelaksanaan dan Pemantauan Pembudayaan Ilmu
- Menyertai dan memberi sumbangan tenaga kepada aktiviti pembudayaan ilmu yang dianjurkan di peringkat Jabatan

LAMPIRAN A2 – TERMA RUJUKAN JAWATAN KUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN PEMBUDAYAAN ILMU

Pengerusi J/K PPPI : Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Urusetia J/K PPPI : Bahagian Pengurusan Projek Kompleks

- a) Memantau pelaksanaan dasar berkaitan dengan ilmu pembelajaran dan pembudayaan ilmu
- b) Menyelaras aktiviti pembelajaran dan pembudayaan ilmu untuk memastikan keberkesananannya
- c) Memantau pengurusan aset pengetahuan untuk memastikan kualiti dan ketersediaan kandungan pengetahuan
- d) Memastikan usaha penambahbaikan berterusan dalam pengurusan pengetahuan dan pembelajaran sejajar dan diintegrasikan dengan inisiatif penambahbaikan organisasi lain
- e) Menangani isu berkaitan dengan keperluan infrastruktur dan sokongan teknikal untuk pelaksanaan program pengurusan pengetahuan yang efektif